

10 APR 2003

Parlimen-Tanggung

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT DITANGGUH SETELAH BERSIDANG 20 HARI

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Dewan Rakyat yang bersidang selama 20 hari sejak 10 Mac lepas ditangguhkan hari ini ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Sepanjang persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Ke Sepuluh itu anggota dewan antara lain telah meluluskan dua usul mengenai laporan kajian semula dan persempadanan bahagian pilihan raya bagi semua negeri kecuali Sarawak, yang dibentangkan secara serentak.

Usul yang diluluskan dengan undian belah bahagian itu menyaksikan 144 anggota Parlimen yang hadir menyokong usul berkenaan yang mengesyorkan tambahan 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Lebih separuh daripada 41 anggota pembangkang, bagaimanapun keluar meninggalkan dewan sebelum undian dilakukan, sebagai tanda protes terhadap pembentangan usul itu dan membantah usul yang didakwa dibentangkan kerajaan secara tergesa-gesa.

Pada 24 Mac lepas, Dewan Rakyat meluluskan usul membantah tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dewan Rakyat yang memperuntukan masa sehari membincangkan perkara itu meluluskan usul itu dengan mengambil tujuh ketetapan yang antara lain mengecam keras tindakan ketenteraan itu dan menggesa pencerobohan yang bermula pada 20 Mac lepas dihentikan segera.

Para anggota Parlimen termasuk pembangkang, pada persidangan 11 Mac, sebulat suara membantah sekeras-kerasnya apa jua tindakan ketenteraan Amerika sekalipun dengan kelulusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu apabila meluluskan usul yang dikemukakan Mohd Zin Mohamed (BN-Shah Alam) berhubung tindakan kuasa besar itu.

Persidangan dewan hari ini turut mengucapkan takziah kepada rakyat Iraq yang terkorban semasa mempertahankan negara itu akibat pencerobohan tentera bersekutu yang diterajui Amerika Syarikat, dengan anggota Parlimen Islam menyedekahkan Al Fatimah dan yang bukan Islam bertafakur selama seminit.

Rang undang-undang yang diluluskan pada persidangan kali ini ialah:

- \* Rang Undang-Undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-Undang Kanun Tanah Negara (Pengesahan) 2003
- \* Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003
- \* Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-Undang Penerbangan Awam (Pindaan ) 2003
- \* Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan

(Pindaan) 2003

Dewan Rakyat turut meluluskan pindaan Jadual Kedua Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Turut diluluskan ialah usul bagi menambah caruman tambahan Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA) sebanyak US\$47,450.53 atau bersamaan RM180,312.

-- BERNAMA

HS HS RHM